

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2018

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Kerajaan sejak tahun 2015; dan
- (b) jumlah keuntungan yang 1MDB menjana sejak ia ditubuhkan, dan sama ada 1MDB akan terus dikecualikan daripada membayar cukai selepas 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, 1MDB adalah syarikat yang berdaftar untuk GST dengan tarikh pendaftaran berkuat kuasa pada

1 Mei 2016.

1MDB dan anak syarikat milik penuhnya telah mendapat pengecualian cukai pendapatan termasuk dividen bagi tempoh 10 tahun mulai 2010 selaras dengan seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengecualian cukai ini termasuk Cukai Keuntungan Harta Tanah. Pada masa ini, tiada keputusan untuk melanjutkan pengecualian tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi anak syarikat 1MDB yang diperoleh (*acquired*, dengan izin) selepas tahun 2010 dan segala transaksi perniagaan syarikat, tidak mendapat pengecualian. Selaras dengan ini, pembayaran cukai syarikat melibatkan anak syarikat Edra (*operating subsidiaries*) di dalam dan di luar negara adalah seperti berikut:

- i. 2013 : RM199,058,000
- ii. 2014 : RM212,911,000
- iii. 2015 : RM259,168,000
- iv. 2016 : tiada (Edra Group telah dijual pada 2016)

Tuan Yang di-Pertua,

73

Kedudukan kewangan 1MDB telah diperincikan di dalam Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Bhd yang boleh dimuat turun dari laman web rasmi PAC.